



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA








Dewan MASHARAKAT

MAJALAH KEBUDAYAAN DAN PENGETAHUAN

JILID V BILANGAN 6 — ⁴15 JUN, 1967



Rohan
Iris

A



PUSTAKA PERDANA



1007460

KDN 2632

Dewan Bahasa dan Pustaka

60 Sen

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

#23731

Ⓟ #

BANGSA² BERSATU

oleh
HASSAN AHMAD



BANGSA² BERSATU

oleh

HASSAN AHMAD

Kepentingan Bangsa² Bersatu sa-bagai sa-buah pertubohan yang bertujuan untuk menjaga dan memajukan kebajikan manusia seluruh dunia memang tidak dapat kita nafikan.

Ini-lah buku pertama mengenai Bangsa² Bersatu yang di-tulis langsung dalam bahasa Melayu. Lebih dari itu pula, buku ini di-tulis tidak sa-mata² dari bacaan pengarang-nya terhadap tentang Bangsa² Bersatu tetapi juga dari pengalaman-nya sendiri tentang pertubohan dunia ini ketika beliau pergi ka-Ibu Pejabat Bangsa² Bersatu di-New York pada akhir tahun 1965.

Untuk penuntut² Sekolah Menengah buku ini memenohi keperluan² yang tersebut dalam sukatan pelajaran "Pengajian Kemasyarakatan" yang telah di-susun oleh Kementerian Pelajaran. Untuk ahli² politik buku ini berguna pula bagi mempelajari dunia luar dan untuk maktab² dan orang ramai buku ini penting untuk menambah pengetahuan tentang sa-buah pertubohan dunia yang ikut menentukan nasib manusia sekarang dan masa depan.

Bidang 8 $\frac{3}{4}$ " x 5 $\frac{3}{4}$ " — 300 muka — harga \$4.00

BUKU² YANG BAIK MEMAKAI LAMBANG DI-BAWAH INI



dewan bahasa dan pustaka
peti surat 803, kuala lumpur



Pengarah
Syed Nasir bin Ismail

Ketua Pengarang
Kamaludin Muhammad
(Keris Mas)

Sidang Pengarang
Usman Awang (Pen. Pengarang)

M. Noor Azam
A. Wahab Muhammad
Abu Yazid Abidin

Penerbit
Dewan Bahasa dan Pustaka

JILID V BIL. 6 — 15 Jun, '67

Isi

- * Usaha2 dan Peranan Bahagian Istilah Bahagian Perkamusan Bahagian Pengarang Dewan Bahasa
- * Wawancara Dengan Bapak Hamka
- * Bangsa2 Bersatu Gagal Menchapai Perdamaian
- * Ubahansor Oganon
- * Pemasaran Hasil Pertanian Islam dan Kesihatan
- * Pendapat Umum dan Demokrasi
- * Harapan Naungan Terakhir
- * Angklung dan Keronchong
- * Shintaro
- * Perchakapan Pendek Dengan John Steinbeck
- * Restu Dari Peny'aer
- * Sajak2 dan Novel

Renchana yang tersiar dalam majallah ini hanya boleh di-petek dan di-siarkan sa-mula dengan kebenaran Pengarah atau Pengarang Dewan Masharakat.

Gambar kulit

"Mendulang Bijeh" di-sa-buah sungai di-Ulu Kelang, Selangor — Gambar oleh Omar Basri.

Renchana Ekonomi

Saya menguchapkan talmiah kapada Saudaraz Akmal dan Mohd. Jamil Mokmin kerana renchana mereka dalam Dewan Masharakat yang lalu. Renchana Akmal "Belanjarwan Di-Rumah" bukan sahaja memberikan saranan dan chontoh kapada mereka yang ingin hidup bahagia tetapi juga sa-bagai panduan kapada masharakat moden kita hari ini.

Renchana saudara Mohd. Jamil Mokmin pula merupakan renchana kajian yang amat berguna kapada masharakat, terutama orang yang ada minat-nya dalam perkembangan ekonomi. Saya harap saudara Mohd. Jamil Mokmin akan dapat menulis pula tentang "Bagaimana Pendapatan Negara Di-Gunakan" atau "Mas'alah Pengguna dan Penanaman Modal".

AHMAD HAJI MOHD. TAIB
Sungai Petani, Kedah.

(Kami banyak menerima surat2 mengenai kedua2 renchana tersebut. Oleh kerana isi-nya ada-lah lebeh kurang sama maka di-harap surat ini mewakili penulis2 lain. Terima-kaseh.

Pengarang DM).

Renchana2 Yang Baik

Dewan Masharakat merupakan sa-buah majallah yang baik isi-nya. Titek-berat-nya kapada renchana2 ilmu pengetahuan sa-lain dari so'al bahasa dan kesuasasteraan sa-sungguh-nya memberikan sumbangan yang besar bukan sahaja kapada pembacha2 umum tetapi juga kapada pelajar2. Renchana2 oleh saudaraz Ahmad Mahdzan Yub, Akmal, Raja Mohammad Affandi, Abdul Rahman Embong, M. Noor Azam dan lain2 ada-lah chontoh2 bukti dari pendapat saya ini.

Oleh kerana renchana2 demikian semakin banyak, maka di-sini suka-lah saya menchadangkan kapada pehak Dewan Bahasa agar menerbitkan sa-buah majallah khusus mengenai renchana2 demikian yang di-titek-beratkan kapada pengetahuan dan sains. Dengan demikian Majallah Dewan Masharakat dapat menitek-beratkan sachara khusus so'al kesenian, kesuasasteraan dan kebudayaan.

A. ARIFFIN ABDULLAH,
Perak.

Kemajuan Bahasa Melayu

Saya tertarek benar dengan pandangan yang di-berikan oleh Tuan H.L. Hodge, bekas Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim sa-bagaimana temuramah-nya dengan saudara M. Noor Azam dalam Dewan Masharakat keluaran bulan Mei, 1967.

Sa-bagai sa-orang yang bukan sahaja tinggal di-tanah ayer kita tetapi bekerja dalam lapangan pelajaran yang ada pula hubongan-nya dengan bahasa, saya kira pendapat ini dapat membukakan sedikit pintu fikiran dan hati orang2 yang sa-lama ini menganggap bahasa Melayu maseh kekurangan, suatu anggapan yang bukan sahaja ada di-kalangan orang2 bukan Melayu tetapi juga di-kalangan orang2 Melayu yang menjadi pegawai2 tinggi.

"So'al bahasa tidak timbul lagi. Bahasa itu sudah ada, siap sedia untok di-gunakan" demikian kata Tuan Hodge.

Dengan demikian apa yang belum ada ia-lah penguasaan bahasa pada satengah2 orang yang menjadi ra'ayat Malaysia, baik ia ra'ayat biasa maupun ra'ayat yang mempunyai kedudukan dan jawatan tinggi dalam negeri ini.

Untok itu salahkan-lah diri sendiri dan jangan salahkan bahasa atau menchariz alasan kekurangan buku dan kekurangan itu dan ini. HALIM, Lembah Pantai.

Penjelasan Pengarah DBP

Saya menguchapkan terima-kaseh atas penjelasan yang di-berikan oleh Tuan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam DM yang lalu mengenai perkara terjemahan buku2 dan juga mengenai DBP.

Nyata-lah keritik2 terhadap Dewan Bahasa itu tidak benar dan mengelirukan, di-lakukan dengan kurang pereksa. Saya harap tiap pehak yang hendak menulis mengenai DBP patut-lah mengetahui lebeh dulu tentang tugas dan peranan DBP.

Jasa Dewan Bahasa dan Pustaka terhadap perkembangan bahasa Melayu tidak ada sa-siapa dapat menafikan-nya. Jadi-kan-lah suatu pelajaran untok kita dengan kata2 akhir penerangan tersebut yang diambil dari pehak yang menudoh-nya: "Kelemahan chara orang2 kita berfikir sa-lama ini ia-lah menyalahkan orang2 lain ter-lebeh dahulu, sa-belum menchari unsur2 kesalahan itu pada diri kita sendiri."

MUSTAFA BIN MUDA
Kg. Atas Tol, Kuala Terengganu



USAHA2 DAN PERANAN BAHAGIAN ISTILAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Oleh: MASO'OD RASHID

(Ketua Bahagian Istilah DBP)



UNTOK melaksanakan tugas besar Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang termaktub dalam Undang2 tuboh Dewan Bahasa dan Pustaka ia-itu memperkayakan bahasa Melayu untok di-jadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang tunggal lagi berkesan maka Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan satu bahagian yang tersendiri ia-itu Bahagian Istilah. Bahagian ini-lah yang bertanggung-jawab mengumpulkan istilah2 dalam semua lapangan pengetahuan, pekerjaan atau kebudayaan.

Sa-belum saya menerangkan serba sedikit mengenai chara bekerja dan kemajuan yang terchapai dalam usaha tersebut saya suka menerangkan apa-kah yang di-katakan istilah itu. ISTILAH ia-lah perkataan atau rangkaian perkataan yang khas mengandongi erti atau maksud yang tertentu dalam lingkungan sa-suatu ilmu pengetahuan, atau sa-suatu pekerjaan atau kesenian. Yang demikian tidak-lah pelek jika sa-kira-nya sa-orang doktor perubatan tidak mengetahui atau tidak dapat menggambarkan apa maksud satu2 istilah undang2 dan ahli atau pakar undang2 pula tidak-lah di-pandang rendah oleh masyarakat jika sa-kira-nya ia tidak dapat menggambarkan maksud atau benda yang di-lambangkan oleh satu2 istilah pertukangan kayu atau pertukangan besi, oleh kerana tidak mesti bagi sa-saorang daripada kita mengetahui semua sa-kali istilah yang terpakai di-muka bumi kita ini.

Ada kala-nya sa-suatu patah istilah mempunyai dua atau lebeh ma'ana atau

maksud yang khas. Jadi, tidak-lah bijak bagi sa-saorang yang biasa menggunakan istilah yang tertentu di-dalam lapangan pekerjaan-nya yang tertentu mengatakan orang lain itu salah kalau memakai istilah itu untok satu maksud yang tertentu dalam lapangan pekerjaan-nya yang tertentu pula. Saya ambil sa-bagai chontoh perkataan BAJANG. Kapada orang biasa perkataan BAJANG menggambarkan kapada-nya suatu lembaga yang besar tinggi lagi menggerunkan ia-itu HANTU BAJANG. Kapada kanak2 atau budak2 yang sedang naik remaja pula perkataan BAJANG memberi mereka gambaran dua batang kayu yang di-beri tempat berpijak lebeh kurang 18" atau lebeh dari bawah untok mainan mereka ia-itu KAKI BAJANG. Kapada tukang kayu pula perkataan BAJANG menggambarkan kapada mereka suatu chara menyambungkan dua bahagian kerusi atau meja atau kayu ia-itu TANGGAM BAJANG.

Oleh itu banyak-lah kata2 istilah yang agak changgong kedengaran bunyi-nya kapada orang2 yang bukan ahli dalam perkara yang terdapat istilah itu di-pakai dan juga kapada orang yang baharu mendengar perkataan itu di-tutorkan, dan kapada orang2 yang baharu menjumpainya di-dalam sa-sabuah buku atau risalah.

Sa-bagaimana yang sedia di-ma'alum bahawa lapangan ilmu pengetahuan dan pekerjaan yang ada sekarang ada-lah banyak lagi luas, lebeh luas daripada masa datok nenek kita dahulu. Jadi dalam usaha mengikhtiarkan istilah2 dalam la-

pangan2 tersebut pehak Dewan Bahasa dan Pustaka beruntung oleh kerana mendapat sambutan dan kerjasama dari cherdek pandai kita. Hingga kini lapangan ilmu dan pekerjaan yang telah diusahakan istilah2-nya ia-lah:—

1. Pentadbiran
2. Sains dan Teknik
3. Tanaman atau Pertanian
4. Fizik
5. Perhutanan
6. Pos
7. Ilmu Alam
8. Pendidikan
9. Perubatan
10. Talikom
11. Tadbir Rumah-tangga
12. Polis dan Tentera
13. Ekonomi
14. Kejuruteraan
15. Keretapi
16. Karang-mengarang dan Penerbitan
17. Perdagangan dan Perusahaannya
18. Anggaran dan Perjawatan
19. Undang2
20. Ilmu Bahasa
21. Kajihayat
22. Kimia
23. Kesusasteraan, dan
24. Sejarah.

Maseh ada lagi beberapa lapangan yang belum di-sentoh. Kami berharap akan memulakan usaha mengumpulkan istilah2 dalam lapangan2 yang belum di-sentoh itu.

Bagi mengikhtirakan istilah2 dalam lapangan ilmu yang saya nyatakan itu pehak Dewan telah menubuhkan jawatan-kuasaz istilah. Ahliz jawatan-kuasaz tersebut terdiri daripada:

1. Orang2 yang ahli atau pakar dalam sa-suatu lapangan ilmu tertentu yang mempunyai ijazah tertentu.
2. Orang2 yang pakar dan berpengalaman tetapi tidak mempunyai ijazah dan
3. Ahliz bahasa.

Ahliz yang pakar itu ada-lah untuk menerang atau menghuraikan maksud2 istilah2 asing yang di-kaji untuk mendapatkan persamaan Melayu-nya yang sesuai dan tepat dan ahliz bahasa dalam sa-suatu jawatan-kuasa itu pula bertugas untuk memimpin dan memberi petunjuk dalam usaha membentok istilah2 baharu jika di-fikirkan perlu. **Hingga hari ini pehak Dewan telah mendapat kerjasama tidak kurang daripada 250 orang pakar yang terdiri daripada orang2 Melayu dan bukan Melayu. Jika di-kaji daripada segi banyak bilangan orang2 Melayu yang terlatih, terpelajar dan mempunyai ijazah universiti, angka 250 ini ada-lah besar erti-nya. Di-antara 250 orang itu terdapat 3 orang Professor, tidak kurang daripada 10 orang yang mempunyai ijazah keahlian yang lebeh tinggi daripada yang di-kehendaki ia-itu Doktor Falsafah dalam lapangan2-nya, tidak kurang daripada 5 orang doktor perubatan, tidak kurang daripada 16 orang jurutera dari berbagai2 lapangan kejuruteraan, 14 orang peguam dan ahli undang2 dan yang lain terdiri daripada mereka yang mempunyai ijazah yang sa-tara dengan ijazah2 orang2 lain dan sedang menyandang jawatan2 tinggi dalam perkhidmatan kerajaan dan sharikat2 perniagaan.**

24 Jawatan-kuasa

KEJAYAAN yang di-chapai mengenai bilangan Jawatan-kuasa Istilah dan ahliz-nya tidak-lah di-peroleh pada satu masa yang sama tetapi ada-lah hasil daripada usaha yang di-jalankan sejak tahun 1957. Dalam tahun 1957 hanya ada 2 buah jawatan-kuasa sahaja, pada tahun



Ahli Jawatan-kuasa Ensaiiklopedia Sains kelihatan sedang bersidang, di-antara Jawatan-kuasa itu kelihatan Dr. Ismail Sa'ad dan Dr. Hussain bin A. Ghani, (nombor 4 dan 5 dari kiri)—Gambar D.M.

1958 di-tambah 3, pada tahun 1959 di-tambah 5, pada tahun 1960 di-tambah 2, tahun 1961 di-tambah 4, pada tahun 1962 tidak ada tambahan, pada tahun 1963 di-tambah 4, pada tahun 1964 di-tambah 1, pada tahun 1965 di-tambah 2, tahun 1966 bertambah 2 dan 1967 ini bertambah 1 lagi. Jumlah 24 buah jawatan-kuasa. Hingga sekarang jumlah istilah yang terkumpul ia-lah kiraz 67,000 istilah. Angka 67,000 ini besar ma'ana-nya jika di-bandingkan dengan jumlah perbendaharaan kata sa-saorang. Perbendaharaan kata sa-saorang biasa ada-lah di-antara 10,000 hingga 15,000 perkataan, jarang2 lebeh daripada 15,000 perkataan. Sebab itu-lah tiap2 sa-orang daripada kita tidak payah mengetahui ka-semua istilah yang di-pakai dalam ka-semua lapangan ilmu pengetahuan atau pekerjaan. **Bukan-lah menjadi suatu perkara ganjil jikalau kita tidak mengetahui perkataan2 yang di-gunakan oleh orang yang lain pekerjaan-nya daripada kita.**

Walau pun bilangan Jawatan-kuasaz Istilah ini besar dan lapangan yang di-usahkan istilah2-nya ada-lah bermacham2, tetapi kesemua-nya mengikhtirakan istilah2 Melayu mengikut dasar2 yang sama. Dasar2 ini termaktub di-dalam pedoman Membentok Istilah2 Baharu Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah di-gubal dan di-persetujui oleh sidang besar Lembaga Istilah yang ahliz-

nya terdiri daripada wakil2 Jawatan-kuasaz Istilah tersebut.

Saya akan membutuhkan satu persatu peratoran2 menchipta atau mengusahakan istilah2 yang di-jadikan dasar berserta dengan beberapa chontoh bagi menerangkan peratoran2 tersebut. Dasar2 pembentokan istilah yang akan saya uraikan ini ia-lah hasil daripada pengambilan, penyesuaian, dan penyelarasan dasar2 yang di-pakai oleh bangsa2 lain yang menghadapi mas'alah2 yang sama seperti yang kita hadapi. Negeri **Yugoslavia**, yang tidak lama lagi akan mengikat perhubungan diplomat dengan kita, dan beberapa negeri Eropah seperti **Sweden, Denmark, Peranchis**, sa-lain daripada negeriz **India, China, Israel, Turki, Burma** dan lain2 ada-lah sama seperti kita juga, ia-itu berusaha mengumpulkan istilah2 moden terutama sa-kali yang berkaitan dengan kemajuan sains dan menghadapi mas'alah pembentokan istilah seperti yang kita alami di-sini. Oleh itu perchaya-lah bahawa dasar2 yang kami gunakan di-sini kalau tidak pun lebeh sempurna ada-lah sama mutu-nya dengan dasar2 yang di-gunakan oleh negeriz yang saya sebutkan itu.

Dasar Pembentokan Istilah

SAYA telah menerangkan apa yang di-skatakan istilah, kemajuann yang telah

tercapai dalam usahaz mengumpulkan istilah dari segi lapangan ilmu dan pengetahuan yang telah di-usahakan istilahnya, bilangan Jawatan-kuasaz Istilah yang di-tubuhkan, dan ramai-nya orangz yang berkelulusan tinggi, berkelayakan dan berpengalaman yang telah memberi kerjasama mereka dalam usaha mengikhtiar-kan istilahz tersebut. Ada saya sebutkan nama beberapa buah negeri di-Eropah, di-Timor Tengah dan di-Asia yang menghadapi mas'alahz yang sama seperti yang kita hadapi pada masa ini. Sekarang saya akan chuba menerangkan satu persatu-nya akan dasarz pembentokan istilahz baharu yang di-pakai oleh pehak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usahanya mengumpul dan membentok istilahz Melayu dalam berbagaiz lapangan yang telah saya nyatakan dahulu.

1. Segala istilah ilmu dan alatz perkakas asing yang sedia ada dalam Bahasa Melayu pada masa ini di-pakai terus sa-telah di-sesuaikan dengan kemajuan ilmu pengetahuan. Berdasarkan pedoman ini-lah maka istilahz pertukangan kayu seperti golongz, kasauz, gajah menyusu, tanggam, kumai, istilahz pertukangan besi seperti andas, sepoh, baja, omboh dan sa-bagai-nya di-pakai terus. Perkataanz asing yang di-ambil dan sudah pun menjadi perbendaharaan kata bahasa kita seperti radio, basikal, motosikal, kemeja, garpu, chamcha, almati, chawan dan sa-bagai-nya kita pakai terus dengan tidak di-ubahz lagi. Jadi jikalau tuanz dan puanz berjumpa dengan istilahz kerap, tali chaman, lindap, piawai, tetapak, changku, ketuhar, naluri, lebor, teja, lazuardi, berhenti-lah sa-jenak sa-belum mengeluarkan satu z kechaman terhadap istilahz itu. Dengan berdasarkan pedoman ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberi tenaga baharu kepada perkataanz kita yang terpendam sa-kian lama dalam bukuz kamus dan di-cherok rantau tanah ayer yang jauh dari locheng—tenaga baharu yang memberi peluang bahasa yang lama tertekan kembali berkembang serta mempunyai nafas baharu.
2. Kalau tidak ada di-dalam bahasa Melayu di-Tanah Melayu boleh-lah

di-ambil istilah yang di-pakai di-Indonesia, kerana memang bahasa di-Tanah Melayu hendak di-satukan pemakaiannya sa-berapa yang boleh dengan bahasa di-Indonesia. Kalau istilah Indonesia tidak sesuai dan tidak memuaskan baharu-lah di-bentok yang baharu. Yang demikian tidak-lah hairan kalau terjumpa istilahz Indonesia terpakai terutama-nya dalam lapangan sastera, bahasa dan pendidikan. Tetapi dalam banyak perkara pembentokan istilahz baharu ada-lah perlu. Mithal-nya, istilah REACTION yang di-pakai dalam kimia, kalau di-Indonesia perkataan yang di-pakai REAKSI. Kami berpendapat perkataan reaksi tidak dapat menggambarkan perihai yang berlaku samasa peristiwa REACTION itu jikalau orang yang menggunakan-nya tidak mengetahui bahasa Inggeris atau bahasa Belanda. Sebab itu-lah pehak Dewan menyetujui istilah TINDAKBALAS. Sa-terus-nya istilah DUARESMI di-gunakan sa-bagai ganti *Amphoteric* bukan ampoter, BENDALIR bagi *fluid* bukan zat chair.

3. Apabila membentok istilah baharu hendak-lah di-gunakan akar kata Melayu.

Tadi saya sebut TINDAKBALAS dan DUARESMI, istilahz tersebut di-gubal dengan menggabungkan dua perkataan Melayu dengan tidak di-gugorkan sa-barang suku-kata-nya. Tetapi dalam istilah BENDALIR itu pula suku-kata A yang akhir dalam BENDA dan suku-kata A pertama dalam ALIR di-satukan menjadi BENDALIR. Chara ini di-tiru daripada chara Datok Nenek moyang kita dahulu meng-gubalkan perkataan, mithal-nya perkataan LAPAN bagi angka 8 ada-lah berasal daripada dua perkataan DUA dan ALAPAN yang berma'ana dua kali empat. DUA ALAPAN menjadi DUALAPAN di-sebut DELAPAN dan sekarang hanya di-sebut LAPAN sahaja. Sebab itu-lah pehak Dewan menggunakan ANGKALI bagi COEFFICIENT, ANGKUBAH bagi VARIABLE, BEKALEMBAGA bagi ENDOSPERM dan sa-bagai-nya. Sa-lain daripada ini ada juga di-gubah perkataan baharu dengan menggandakan

perkataan asal seperti lelabah, leladam, dan sesudu mengikut chontoh yang sedia ada dalam bahasa Melayu seperti kekisi, kekuda dan tetupai. Satu lagi chara menggubah istilah baharu ia-lah: Beberapa suku-kata di-gugorkan hanya dua tiga suku-kata sahaja daripada kedua-nya yang di-ambil mithal-nya GENCHANA (gambar+lanchana) bagi ganti CREST yang di-pakai pada baju sekolah.

4. Istilahz asing yang di-pakai oleh kebanyakan bangsaz dunia itu istilahz asing yang tidak dapat di-berikan persamaan Melayu-nya dengan sa-terpatz-nya boleh-lah di-terima jadi istilah Melayu.

Termasok dalam kumpulan istilahz ini ia-lah istilah seperti RADAR, RADIO, TALIVISHEN, UNIVERSITI, nama z unsur dan sa-bagai-nya.

5. Bila memang perlu di-terima suatu kata istilah asing, maka yang di-terima hanya-lah kata pokok-nya sahaja.

Chontoh yang senang ia-lah perkataan EKONOMI dan TEKNIK. Kita hanya mengambil perkataan ekonomi sahaja. Sebab itu-lah ekonomist di-beri persamaan ahli ekonomi, *economics* ia-lah ilmu ekonomi, *economical*, yang economic dan sa-bagai-nya. Bagitu-lah juga perkataan teknik. Kita tidak gunakan *Technical* dan *Techncian* tetapi teknik dan juruteknik.

6. Tatkala menchari istilah bagi sa-suatu maka yang mustahak di-istilahkan ia-lah pengertian bukan bentok sa-suatu istilah dalam bahasa asing.

Saya ambil chontoh perkataan *reaction* yang saya sebutkan tadi. Ianya tergabung daripada awalan *re* dan perkataan *action*. Biasa-nya *re* bermaksud sa-mula seperti *re examination* yang berma'ana pepereksaan sa-mula. Tetapi maksud *reaction* jauh menyensong daripada chorak ini. Apa yang di-maksudkan oleh *reaction* dalam kimia ia-lah *saling bertindak*. Sebab itu-lah istilah TINDAKBALAS kami terima. Banyak lagi chontoh yang dapat saya berikan seperti *satugas*, untuk *analogist*, *samukor* bagi *symmetry* dan sa-bagai-nya.